# Rakyat Selangor paling ramai terima BR1M sejak 2014

um 19/10.

**Info BR1M**

**Penerima**

Selangor : **1,017,403**
Johor : **889,636**
Sarawak : **735,817**

**2014**

Permohonan diterima : **8,113,472**
Permohonan diluluskan : **6,959,649**
Permohonan gagal : **1,153,923**

**2015**

Permohonan diterima : **8,259,335**
Permohonan diluluskan : **7,437,522**
Permohonan gagal : **821,813**

**2016**

Permohonan diterima : **8,362,666**
Permohonan diluluskan : **7,280,340**
Permohonan gagal : **1,017,403**

Agensi yang terlibat dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pendapatan penerima:

1. Majlis Amanah Rakyat (Mara)
2. Jabatan Tenaga Manusia
3. Kementerian Pendidikan

Sumber pembiayaan kewangan yang disediakan:

1. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
2. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
3. Mara

**KUALA LUMPUR 18 Okt.** - Warga Selangor adalah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) paling ramai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sejak 2014.



Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani **(gambar)** berkata, pihaknya menerima lebih lapan juta permohonan BR1M pada tahun ini dan 7,280,340 daripadanya diluluskan.

Katanya, daripada jumlah yang berjaya, Selangor merupakan penerima tertinggi iaitu sebanyak 1,017,403 diikuti Johor (889,636) dan Sarawak (735,817).

"Pada tahun 2014, penerima di Selangor paling tinggi mendapat BR1M iaitu melibatkan seramai 987,757 manakala pada tahun lalu meningkat kepada 1,066,359," katanya menjawab soalan **Nurul Izzah (PKR-Lembah Pantai)** dalam sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) dalam persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dalam perkembangan lain, Jo hari berkata, kementerian turut me ngadakan pelbagai program dengar kerjasama pelbagai agensi bag membantu penerima-penerim BR1M meningkatkan kemahirar pekerjaan dan pendapatan.

**Waktu Solat**

MBSB

| | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KUALA LUMPUR** dan kawasan sewaktu dengannya | 5.40 | 6.57 | 1.00 | 4.17 | 7.00 | 8.10 |
| **PULAU PINANG** dan kawasan sewaktu dengannya | 5.46 | 7.03 | 1.05 | 4.23 | 7.03 | 8.13 |
| **KUANTAN** dan kawasan sewaktu dengannya | 5.34 | 6.51 | 12.53 | 4.10 | 6.53 | 8.03 |
| **JOHOR BAHRU** dan kawasan sewaktu dengannya | 5.30 | 6.47 | 12.52 | 4.07 | 6.53 | 8.03 |
| **KUCHING** dan kawasan sewaktu dengannya | 5.04 | 6.21 | 12.25 | 15.41 | 6.26 | 7.36 |